

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90**

Mac/April 1990

AKP 400 - Pengurusan Pelaburan

Masa : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Jawab **DUA** soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A

1. CAPM berasas kepada pelbagai andaian tentang keadaan pasaran sekuriti dan sikap pelabur. Apakah andaian-andaian CAPM? Bincangkan kebenaran andaian-andaian itu di pasaran Malaysia.

[25 markah]

2. Pada tahun lapanpuluhan, kedudukan EMH telah menjadi kurang pasti. Penyelidikan baru telahpun mengemukakan tanda-tanda ketakcekapan (inefficiency) di hampir semua pasaran sekuriti. Sila bincangkan bukti-bukti dan pemikiran-pemikiran baru yang mencabar kedudukan EMH.

[25 markah]

...2/-

AKP 400

3. "CAPM memperhubungkan pulangan atas aset modal dengan satu faktor-risiko pasaran. Terdapat beberapa para akademik mempercayai bahawa model yang simplistik itu tidak mencukupi untuk menghuraikan satu angkubah (variabel) yang amat kompleks". Dengan merujuk kepada kenyataan tersebut, sila bincangkan:

SAMA ADA

- (a) Risiko-risiko pelaburan yang dapat dan tidak dapat dipertimbangkan oleh CAPM.

ATAU

- (b) "Arbitrage Pricing Theory (Model)".

[25 markah]

4. Walaupun EMH telah diterima secara luasnya di kalangan akademik, pendekatan fundamentalisme masih amat popular di kalangan pelabur-pelabur sebenar. Bincangkan:

SAMA ADA

- (a) Mengapa pendekatan fundamentalisme masih popular.

ATAU

- (b) Kelemahan-kelemahan pendekatan fundamentalisme.

[25 markah]

Bahagian B

5. Andaikan bahawa anda baru dilantik sebagai salah seorang Pengurus Pelaburan dalam sebuah syarikat amanah saham. Tanggungjawab anda adalah untuk mengurus satu portfolio yang mengandungi aset sebanyak \$10 juta. Apakah prinsip-prinsip yang mesti dipertimbangkan untuk mereka-bentuk satu portfolio? Apakah faktor-faktor yang anda perlu mengambilkira dan apakah maklumat-maklumat tentang portfolio itu yang anda mesti tahu sebelum anda boleh merekabentuk struktur dan komposisi portfolio itu?

[25 markah]

...3/-

Jawab SAMA ADA (a) ATAU (b)

6. (a) Andaikan anda adalah seorang penasihat pelaburan. Ketua Pengurus sebuah syarikat amanah saham telah meminta bantuan anda kerana ia baru saja mendengar mengenai teori CAPM dan ia tidak faham akan konsep dan kepentingan model itu. Sila jelaskan dengan mudah apakah CAPM dan bagaimana prinsip CAPM boleh diambilkira bila ia mengukur pencapaian pengurus-pengurus pelaburan dalam syarikatnya.
- (b) Jelaskan Sempadan Effisiensi Markowitz (Markowitz's Efficiency Frontier). Garis Pasaran Modal (Capital Market Line) dan perhubungan di antara kedua-duanya. Apakah kegunaan amali kedua-dua konsep ini kepada pelaburan?

[25 markah]

7. Appendix I adalah satu jadual yang mengandungi data-data tentang saham Carlsberg Bhd. sebuah syarikat yang mengeluarkan dan menjual minuman bier. Sila beri anggaran anda tentang nilai saham ini dengan menggunakan satu kaedah penilaian fundamentalisme. Sila tunjukkan andaian-andaian dan pengiraan anda.

[25 markah]

8. Bincangkan dengan ringkas TIGA daripada EMPAT topik di bawah:
- (a) Kos-kos urusaniaga.
- (b) Portfolio Teori Moden.
- (c) Konsep asas analisa teknikal.
- (c) Analisa struktur di bawah analisa teknikal.

[25 markah]

...4/-

APPENDIKS 1

CARLSBERG BREWERY MALAYSIA BHD.

MAKLUMAT PASARAN SAHAM YANG UTAMA

TAHUN	JULAT HARGA	HARGA PURATA	DIVIDEN SESAHAM (sen)	UNTUNG SESAHAM (sen)	JULAT "DY"	JULAT "PER"
1979	\$1.97 - \$2.78	\$2.37	7.50	13.36	3.81 - 2.70	14.75 -20.77
1980	\$2.53 - \$3.53	\$3.03	7.50	22.22	2.97 - 2.13	11.36 -15.86
1981	\$3.20 - \$4.73	\$3.96	11.25	35.25	3.51 - 2.38	9.09 -13.40
1982	\$3.30 - \$4.13	\$3.71	11.25	29.69	3.41 - 2.73	11.12 -13.90
1983	\$3.54 - \$4.58	\$4.06	11.25	31.87	3.18 - 2.46	11.11 -14.36
1984	\$4.16 - \$5.85	\$5.01	11.25	25.37	2.70 - 1.92	16.41 -23.06
1985	\$3.53 - \$4.35	\$3.94	11.25	24.55	3.19 - 2.59	14.36 -17.72
1986	\$3.68 - \$4.50	\$4.09	11.25	24.63	3.06 - 2.50	14.92 -18.27
1987	\$3.45 - \$6.45	\$4.95	11.25	26.13	3.26 - 1.74	13.20 -24.68
1988	\$4.12 - \$7.45	\$5.79	12.75	37.42	3.09 - 1.71	11.01 -19.91
1989	\$7.45 - \$11.20	\$9.33	16.25	60.35	2.18 - 1.45	12.42 -18.67
KADAR PERTUMBUHAN PURATA 5 TAHUN		13.25%	7.63%	18.92%		
KADAR PERTUMBUHAN PURATA 10 TAHUN		14.67%	8.04%	16.28%		

NOTA:

1. Kesemua data-data berhubung dengan harga, dividen dan untung sesaham telah diubahsuai untuk mengambilkira perubahan modal pada tahun yang berkaitan.
2. PER (price earnings ratio) merujuk kepada nisbah harga - untung sesaham.
3. DY (dividend yield) merujuk kepada pulangan dividen.